

0242

U B244 AAB
MAHATHIR - EKSPEDISI R R R

KUALA LUMPUR, 31 JAN (BERNAMA) -- MALAYSIA MUNGKIN MENGHANTAR EKSPEDISI PERTAMANYA KE BENUA ANTARTIKA TIDAK LAMA LAGI, KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

EKSPEDISI ITU BOLEH MELIBATKAN PARA PENYELIDIK SAINTIFIK DENGAN MENGGUNAKAN PERALATAN YANG TIDAK MAHAL, KATANYA KEPADA PEMBERITA SELEPAS MELANCARKAN EKSPEDISI KAYAK MENJELAJAH PANTAI MALAYSIA PERINGKAT KETUJUH DAN KELAPAN DI TAMAN TASIK TITIWANGSA DI SINI.

BELIAU MENYIFATKAN EKSPEDISI KAYAK SEUMPAMA ITU SEBAGAI LANGKAH AWAL KE ARAH PENCAPAIAN HASRAT NEGARA MENGHANTAR EKSPEDISI KE BENUA ANTARTIKA.

MALAYSIA MEMPELOPORI USAHA UNTUK MENGISYTIHARKAN BENUA ANTARTIKA SEBAGAI WARISAN MANUSIA SEJAGAT DAN BUKAN MILIK BEBERAPA NEGARA SAHAJA.

SEMENTARA ITU, KETIKA MELANCARKAN EKSPEDISI KAYAK ITU, PERDANA MENTERI BERKATA USAHA PERLU DIPERGIAT KE ARAH PEMBENTUKAN RAKYAT MALAYSIA SEBAGAI BANGSA YANG KUAT LAGI BERDIKARI. -- LAGI.

1835MST 31 01 88

U B246 AAB
MAHATHIR - EKSPEDISI 2 KUALA LUMPUR R R R

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA NEGARA MEMERLUKAN BANGSA YANG BERANI MENGHADAPI PELBAGAI CABARAN, YANG TIDAK MENGHARAPKAN PANTUAN TETAPI BERUSAHA SENDIRI.

KATANYA, EKSPEDISI ITU YANG MENGHENDAKI PARA PESERTA MENGHADAPI PELBAGAI CABARAN TERMASUK KEPERLUAN MEMBUAT KEPUTUSAN DENGAN PANTAS DATAP MENANAM SEMANGAT BAIK DI KALANGAN MEREKA.

KATANYA, KEGIATAN YANG SEUMPAMA ITU TERMASUK MENDAKI GUNUNG DAN MERENTAS HUTAN RIMBA.

DALAM PADA ITU, KATA PERDANA MENTERI BERKATA KEGIATAN YANG MELIBATKAN PENYERTAAN PELBAGAI KAUM NEGARA INI MEMBERI PELUANG KEPADA PESERTA MENGENALI ANTARA SATU SAMA LAIN.

MENGENAI KERTAS PUTIH BERSABIT DENGAN PENAHANAN 106 ORANG MENGIKUT AKTA KESELAMATAN DALAM NEGERI (ISA), DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KERAJAAN BELUM DAPAT MENENTUKAN TARIKH KERTAS PUTIH ITU DIKELUARKAN. -- LAGI.

1838MST 31 01 88

U B247 AAB
MAHATHIR - EKSPEDISI 3 KUALA LUMPUR R R R

+(KERTAS PUTIH ITU)... SEDANG DIBIAPKAN,+ TAMBAH BELIAU. BAGAIMANAPUN PERDANA MENTERI MEMBAYANGKAN KERTAS PUTIH ITU MUNGKIN DIKELUARKAN PADA FEBRUARI INI. -- BERNAMA.

1846MST 31 01 88